

Kenaikan gaji dapat rangsang ekonomi

S.H 25/9/09 M/S 3

Tanpa gaji tinggi, negara tidak dapat capai pertumbuhan pesat: Tun Mahathir

BANTING - Ekonomi negara akan mampu berkembang dengan lebih pesat lagi jika ganjaran atau gaji pekerja di Malaysia dapat ditingkatkan supaya golongan berkenaan dapat menyumbang dengan menambah produktiviti masing-masing.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, pendapatan semua peringkat daripada pekerja hinggalah yang lain amatlah rendah, walaupun pengurus-pengurus syarikat berkaitan kerajaan (GLC) mendapat gaji besar, tetapi yang lain semua dapat gaji kecil.

Menurutnya, tanpa gaji lebih tinggi, negara tidak akan dapat mencapai pertumbuhan pesat dan peningkatan gaji perlu seimbang dengan kerja yang dilakukan.

"Apabila produktiviti pekerja meningkat, syarikat akan mendapat keuntungan yang lebih dan majikan tentunya akan membalasnya dengan memberi pendapatan yang lebih kepada pekerja," katanya semasa ketika melawat limbungan kapal NGV Tech Sdn Bhd di



● Tun Dr Mahathir (kiri) diberi penerangan mengenai perkembangan syarikat oleh Zulkifli ketika melawat limbungan kapal firma itu sempena Majlis Penyampaian Amanat Ke Arah Kecemerlangan Kerja Warga NGV Tech di Teluk Panglima Garang semalam.

Sijangkang dekat sini, semalam.

Dr Mahathir berkata, banyak pengimpal dari Malaysia kini 'dipancing' syarikat dari Timur Tengah yang menawarkan gaji tiga hingga empat kali ganda daripada gaji mereka sekarang yang tidak mampu ditawarkan majikan di negara ini.

Beliau berkata, Malaysia tidak lagi boleh bersaing di peringkat an-

tarabangsa dengan kos buruh yang murah kerana ada di antara negara-negara tertentu yang mempunyai kos buruh yang rendah tetapi memiliki produktiviti yang lebih tinggi di mana seorang pekerja boleh melakukan kerja yang dilakukan oleh dua tiga orang pekerja.

Mengenai NGV Tech, beliau yakin syarikat itu yang mampu membina

pelbagai jenis bot dan menerima tempahan bukan sahaja dari negara Timur Tengah bahkan dari Eropah untuk kegunaan di pelantar minyak dan rondaan pantai, akan dapat membina kapal yang lebih besar satu hari nanti.

"NGV Tech menerima 90 peratus tempahan bot dari pelanggan luar negara dan 10 peratus daripada tempahan tempatan," katanya.

Dr Mahathir berkata, jika dahulu agak sukar mengajak syarikat pembina kapal dari Korea Selatan untuk beroperasi di Malaysia kerana mereka kurang berminat tetapi kini keadaan itu bakal berubah.

Dr Mahathir berkata, oleh itu syarikat tempatan seperti Petronas seharusnya membantu syarikat tempatan seperti NGV Tech dengan menempah bot-bot untuk kegunaan mereka daripada syarikat itu.

Pengerusi NGV Tech, Zulkifli Shariff dalam ucapannya berkata, syarikat itu kini dalam rundingan peringkat akhir membeli 70 peratus saham sebuah syarikat pembina kapal di Korea Selatan. - Bernama